

ROSHLAWATY RAEIH roshlawaty@sinarharian.com.my FOTO: MOHD-HASRUL HAMDAN (JURUFOTO UPM)

Mengapa kurang diminati?

Cabaran sepanjang pengajian, membantutkan keinginan penuntut ambil jurusan perakaunan

Isu Kampus minggu ini mengupas berkenaan kurangnya penglibatan penuntut Bumiputera dalam bidang perakaunan kerana faktor tertentu. Melalui tinjauan yang dilakukan, ada pihak yang terdiri daripada warga pendidik dan mahasiswa memberi cadangan terbaik dalam usaha untuk menarik minat penuntut Bumiputera mengikuti jurusan ini di universiti. Ada juga yang berkongsi pandangan mengapa siswa-siswi enggan mengambil perakaunan sebagai pilihan utama. Adakah disebabkan kesukaran sepanjang pembelajaran berlangsung atau ada masalah lain.

Pensyarah Kanan merangkap Ketua Program Usim, Dr Suhaila Abdul Hamid (lulusan Sarjana Muda Perakaunan - dengan Kepujian) berkongsi pandangan. Kata beliau, jurusan perakaunan memang agak mencabar kerana memerlukan mereka yang ada keupayaan bagus dalam bermain dengan nombor dan juga kemahiran menganalisis yang tinggi. Ada subjek dalam perakaunan yang



Belajar berkumpul antara cara terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan dalam perakaunan.

menggabungkan dua aspek yang agak berbeza seperti subjek Percukaian yang memerlukan seseorang memahami aspek perundangan cukai dan pengiraan. Walau bagaimanapun, jika minat perakaunan, semuanya dapat diatasi.

Bagi tiga penuntut dari UUM, Usim dan UniSZA, cabaran ketika belajar adalah

satu bonus yang dinanti-nantikan. Bila adanya cabaran, ia akan menguatkan lagi semangat untuk belajar bersungguh-sungguh. Bagi mereka, hidup tidak akan indah jika tiada rintangan.

Bagi penulis sendiri, walaupun banyak cabaran dan kesukaran, kita perlu juga tempuh demi masa depan yang cerah.



Cuba lihat Siti Aisah Kamarulzaman, graduan Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Berdepan banyak cabaran, namun dia beruntung dan bertuah dinobatkan Graduan Terbaik Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) Malaysia dan ketujuh terbaik di dunia, pada peperiksaan Jun 2013. Gadis hebat ini telah meneruskan kejayaan abangnya, Khalid yang juga graduan terbaik ACCA Malaysia pada 2012.

Memetik kenyataannya dalam www.uitm.edu.my Siti Aisah berkata, resipi kejayaannya ialah belajar tekun dan berusaha bersungguh-sungguh seperti yang sering dinasihatkan bapanya, Kamarulzaman Udin, dahulu peniaga pasar malam dan ibu, Sa'adah Rahmad, guru.

"Saya tiada rahsia untuk berjaya cuma apa yang ingin dikongsi ialah kita hendaklah sentiasa beringat bahawa Tuhan sentiasa bersama kita. Motivasi, semangat, idea dan ketenangan itu akan hadir apabila kita sentiasa mengingati Tuhan. Insya ALLAH kita boleh berjaya dan lebih bersemangat untuk mencapai kejayaan," ujarnya.

Kekurangan akauntan bertauliah

JURUSAN perakaunan sebenarnya mendapat sambutan menggalakkan di pusat pengajian tinggi seluruh negara terutama di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda perakaunan. Cuma masalahnya di sini adalah kekurangan akauntan bertauliah terutama golongan Bumiputera disebabkan mereka tidak memilih untuk

bekerja di lapangan industri dan cuba memenuhi kriteria Institut Akauntan Bertauliah Berdaftar. Graduan perakaunan di industri pula tidak berminat untuk menaik taraf status kelayakan kepada status profesional setelah menceburi bidang pekerjaan.

"Ini menjadikan bilangan peratusan berkurangan jika difokuskan kepada bidang perakaunan profesional seperti ACCA, Malaysian Institute of Chartered Accountants (MICPA), Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) dan sebagainya," kata Ketua Jabatan, Institut Pengajian Profesional (IPS), KPTM, Kuala Lumpur, Norizelini Ibrahim.

Di KPTM, seramai 700 penuntut Bumiputera sedang mengikuti program Perakaunan Profesional ACCA dan jumlah tersebut akan ditingkatkan secara berperingkat dengan harapan menjadi penyumbang kepada usaha kerajaan dalam bidang perakaunan profesional.

Momokan negatif jadi halangan

DEKAN Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UPM, Prof Dr Zulkornain Yusop 49, berkata, sejak dari dulu lagi, masyarakat sudah mendengar pelbagai persepsi buruk tentang jurusan perakaunan.

Ada yang kata, kos ini terlalu susah untuk dipelajari. Malah jika sudah bekerja nanti, kerjaya dalam perakaunan memerlukan mereka pulang ke rumah hingga jauh malam dan ini akan memberi bebanan pada wanita yang sudah berkahwin.

"Kita perlu ubah persepsi buruk mereka ini terhadap jurusan perakaunan. Cadangan saya, banyakkann promosi dan penerangan yang berkaitan dengan bidang tersebut. Di UPM misalnya, kita sudah mengadakan beberapa roadshow di sekolah sekitar Lembah Klang dan sambutan yang diterima amat menggalakkan," katanya dengan menambah barisan pensyarah UPM juga

bertungkus-lumus memberi gambaran sebenar kehidupan sebagai akauntan dan hasil yang diperolehi, ramai pelajar aliran Sains mahu bergelar akauntan kelak.

Dr Zulkornain berkata, di kampus ini, bilangan penuntut yang mengikuti pengkhususan ini lebih kurang sama peratusannya.

"Penuntut Melayu 40 peratus, Cina 40 peratus, India 10 peratus dan selebihnya adalah lain-lain. Belajar bukanlah susah sangat jika mereka betul-betul belajar dan

rajin membuat latihan," katanya yang menaruh keyakinan bahawa graduan perakaunan akan mendapat kerjaya yang cukup menarik dan memperoleh gaji yang lumayan. Namun begitu, persaingan agak tinggi dalam kalangan graduan dan mereka perlu ada penampilan dan ciri-ciri kepimpinan serta sikap terpuji untuk lebih menarik perhatian majikan.



Tidak sukar seperti yang disangka

"KURSUS profesional perakaunan yang ditawarkan melalui universiti tempatan tidaklah begitu susah dan sukar seperti yang diheboh-hebohkan.

"Perakaunan hanya melibatkan manipulasi perakaunan campur, tolak, darab dan bahagi. Ia tidak memerlukan kemahiran matematik tambahan yang lebih canggih, namun ia melibatkan integrasi disiplin yang berkaitan seperti perniagaan, kewangan, perancangan korporat, percukaian, undang undang, perbankan, penyelidikan, pemasaran dan pengurusan. Ia lebih dilihat sebagai disiplin rojak atau disiplin adunan praktikal yang holistik.

"Walaupun pembelajarannya sangat mudah, kita masih dapat ada kalangan penuntut yang fobia untuk mengikuti kursus ini hanya kerana ditakutkan

dengan perkataan *Professional Accountant*, sehingga mereka tidak berani untuk menerokainya," kata Prof Dr Barjoiy Bardai dari Universiti Antarabangsa Al-Madinah.

Dalam situasi sebegini, masyarakat perlu memberi galakan kepada pelajar sejak awal persekolahan bagi menanam minat mereka dalam perakaunan. Misalnya bidang Matematik boleh disasarkan kepada Perakaunan selepas persekolahan. Mengenai yuran pengajian, tidaklah semahal bidang perubatan.

Namun untuk mengambil kursus profesional perakaunan antarabangsa seperti ACCA dan ICMA, penuntut perlu mengambil peperiksaan berulang kali kerana kadar lulus adalah agak kecil dan ketat serta ini menyebabkan mereka tawar hati dan berhenti sekerat jalan.



Kurang pendedahan punca minat hilang

PERSEPSI penuntut Bumiputera kurang minat kursus pengiraan seperti kursus akaun bukanlah isu yang baru dimainkan sekarang. Ia telah berlaku sejak daripada dahulu lagi yang mana anak-anak Bumiputera kurang memberi fokus kepada kursus-kursus pengiraan dan kursus-kursus sains apabila dapat menyambung pengajian di kampus.

Mantan Yang Dipertua, Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Utara Malaysia (UUM) sesi 2014/2015, Mohd Ali Faiz Salleh, 23 berkata, puncanya adalah kerana sistem pendidikan di sekolah sama ada peringkat rendah atau menengah tidak menjalankan fungsi dengan baik.

"Sebagai contoh, pelajar-pelajar cemerlang hanya diminta untuk memenuhi ruang kelas di hadapan yang lebih memberi fokus kepada subjek atau bidang sains tulen sahaja berbanding Matematik atau kelas Perakaunan. Hal ini sudah pasti memberi kesan secara langsung terhadap minat dan pengetahuan pelajar mengenai subjek Akaun seterusnya mampu mempengaruhi minat mereka untuk menyambung pelajaran dalam bidang tersebut di kampus.

"Dalam masa yang sama, kita juga dapat lihat kebanyakan institusi pengajian tinggi (IPT) yang menawarkan kursus kesesasteraan lebih banyak

berbanding kursus-kursus perakaunan. Melalui Universiti Awam (UA) sahaja, kursus akaun atau pengurusan perniagaan ini hanya merupakan cabang dan hukannya dijadikan sebagai kursus atau subjek teras yang wajib terhadap penuntut. Ini memberi satu gambaran bahawa subjek ini tidak diminati dalam kalangan penuntut bumiputera khususnya," kata Mohd Ali Faiz yang sedang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa (Kepujian) di UUM.

Kesimpulannya, Mohd Ali Faiz berasakan punca kursus akaun tidak diminati dalam kalangan Bumiputera disebabkan dua faktor berkenaan iaitu sistem pendidikan di kebanyakan sekolah dan ruang yang ditawarkan di peringkat pusat pengajian tinggi amat terhad. Dalam pada itu, kecenderungan penuntut Bumiputera yang berminat menceburi kursus dalam bidang teknologi maklumat dan juga kursus yang terus menyambung pelajaran dalam bidang dunia kerjaya turut menjadi punca perakaunan dipinggirkan.



Janji masa depan yang cerah

PROF Madya Dr Zurina Shafii, 37, dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Usim, berkata, kekurangan akauntan bertauliah dalam kalangan Bumiputera sememangnya sudah lama kita alami, semenjak dari beliau belajar program Perakaunan pada 1997.

Kata Dr Zurina, kurang akauntan bertauliah dalam kalangan Bumiputera kerana pelajar jurusan perakaunan mempunyai pelbagai peluang untuk meneruskan kerjaya.

"Kadang-kadang pendapatan eksekutif perakaunan di bank dan syarikat sudah lumayan, tanpa mereka perlu untuk mendapatkan kelulusan profesional dan menjadi akauntan bertauliah. Perkembangan kursus perakaunan di Malaysia juga mencipta peluang pekerjaan sebagai pensyarah dan tutor dalam kalangan graduan perakaunan. Graduan juga boleh bekerja dalam industri kewangan, pengurusan risiko, eksekutif perbankan dan lain-lain.

"Secara amnya, graduan sarjana muda perakaunan tidak meneruskan pengajian ke peringkat profesional dan mendapat tauliah kerana masa dan tenaga yang diperlukan untuk mereka mendapat gelaran akauntan bertauliah, sedangkan mereka perlu untuk masuk dalam sektor pekerjaan secepat mungkin kerana kekangan sara hidup dan keperluan mereka membayar hutang pengajian," katanya yang juga Ahli Jawatankuasa Malaysian Accounting Association (MyAA).



ZURINA



SUHAILA

graduasi (belum profesional dan bertauliah)," katanya yang berkelulusan perakaunan UiTM.

Sementara itu, Dr Suhaila Abdul Hamid berkata, banyak yang perlu dilakukan jika kita benar-benar mahu menarik minat pelajar Bumiputera mengikuti perakaunan di universiti.

"Cabaran saya di Fakulti Ekonomi dan Muamalat Usim ini bukanlah semata-mata untuk menarik minat

pelajar mengikuti jurusan di kampus ini. Namun yang lebih penting, adalah bagaimana memberi mereka keyakinan dan motivasi untuk meneruskan minat dan memilih kerjaya sebagai akauntan profesional yang bertauliah, sejajar dengan matlamat kerajaan serta umumah," katanya dengan menambah pelbagai aktiviti telah dilakukan Usim untuk menarik minat mereka seperti program penerangan daripada Malaysian Institute of Accountants melalui program MIA Care, menjemput Yayasan Peneraju serta Talent Corp untuk menerangkan kepada penuntut perakaunan bagaimana menjadi seorang profesional dalam dunia perniagaan hari ini, memberi peluang penuntut terlibat dengan program audit bersama UKM-CESMED Technocount, merancang program bersama pihak industri untuk siswa serta sedang berusaha mempertingkatkan kerjasama dengan badan profesional melalui pengecualian subjek untuk program profesional.



SITI AISAH

Belajar kerana minat mendalam



"ADA sebab kenapa saya pilih jurusan perakaunan untuk masa depan. Yang pertama, peluang kerjayanya cukup cerah, kedua minat dan ketiga, pembelajaran mencabar," kata Muhammad Zahiruddin Ridzuan, 22.

Menurutnya, untuk menarik minat mahasiswa mengikuti jurusan ini, pihak universiti boleh menyediakan modul-modul pembelajaran bersistem seperti menggunakan aplikasi perakaunan itu sendiri supaya sistem pembelajaran mudah dan menarik.

"Dengan cara ini, kita dapat menarik lebih ramai siswa bumiputera untuk mengikuti perakaunan di universiti," kata penuntut UniSZA Jurusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian ini.

Jurusan perakaunan sangat mencabar

MUHAMMAD Iqmal Hisham Kamaruddin, 24, penuntut Sarjana Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat (Perkhususan Perakaunan), Usim berkata, dia mengambil kos Perakaunan sejak di tingkatan empat lagi (aliran Akaun). Segalanya bermula dek minat mendalam mengenai ilmu yang berkaitan perniagaan dan ekonomi. Minat dalam jurusan Akaun itu diteruskan sehingga ke asasi, sarjana muda hingga master. Di harapkan agar diri dapat mengekalkan pengajian dalam perakaunan di bidang PhD nanti.

Menurutnya, bidang perakaunan memang mencabar. Ia melibatkan pelbagai *standard* dan *rules* yang perlu dipatuhi dalam menentukan sesuatu transaksi perakaunan. Selain itu,

kemahiran dalam membuat keputusan bagi setiap transaksi yang berlaku juga merupakan satu cabaran yang mengasah kebolehan *decision making*.

"Bermain dengan nombor merupakan elemen cukup mencabar diri. Kesilapan kecil walaupun hanya melibatkan 1 sen, akan memberi impak berbeza terhadap keputusan sesebuah organisasi secara keseluruhan," katanya yang bercita-cita bergelar pensyarah dan akan berusaha menggalakkan generasi muda terutamanya bumiputera untuk mengambil perakaunan dan menjadi akauntan bertauliah di masa depan.

Penerima anugerah Pelajar Terbaik Perakaunan 2014 dari MIA dan Anugerah Pelajaran Diraja Pingat Jaya Cemerlang Konvokesyen Usim ke 12,

mengakui graduan jurusan perakaunan mempunyai prospek cerah terutamanya dalam mendapatkan pekerjaan. Ini berikutan setiap organisasi di sektor industri mempunyai bahagian kewangan dan perlu diuruskan oleh mereka yang mempunyai berpendidikan perakaunan.

"Kajian menunjukkan 80% dari CEO-CEO di Malaysia mempunyai latar belakang perakaunan dan bahagian besar daripada mereka memiliki sijil profesional perakaunan seperti ACCA, ICAEW dan sebagainya.

"Rakan-rakan saya pula (ketika mengikuti pengajian ijazah sarjana muda) sudah pun mempunyai pekerjaan tetap berbanding rakan-rakan daripada jurusan lain. Ini satu perkhabaran yang amat menggembarakan," katanya.



Muhammad Iqmal (depan) bersama rakan-rakan ketika menghadiri Graduan *Aspire Expo*.